

# WARTA DELIMA

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN BATU 5  
JALAN JENIANG, 08300 GURUN, KEDAH DARUL AMAN  
TEL: 04-4680018 FAKS : 04-4680549  
Email : smkbtlima.ppdkmy@gmail.com

\*Untuk Edaran Dalam Sahaja

Bil. 3/2015

## Majlis Pelancaran Semarak Nilam Dan Bulan Pendidikan Pencegahan Dadah Oleh Muhamad Afiq Adham Zulkipli (3A2)



Pengetua SMK Batu 5, Pn. Hajah Rosidah Musa merasmikan Program Semarak NILAM dan Bulan Pencegahan Dadah.

SMK Batu 5 – Majlis Pelancaran Semarak Nilam dan Bulan Pendidikan Pencegahan Dadah Peringkat Sekolah telah dijalankan dengan jayanya pada 1 Mac yang lalu bertempat di Dewan Seri Delima.

Tujuan program ini diadakan adalah untuk menyokong Falsafah Pendidikan Negara yang berhasrat melahirkan insan yang seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek.

Majlis perasmian disempurnakan oleh Pengetua SMK Batu 5, Pn. Hajah Rosidah Musa. Majlis ini berakhir pada pukul 8.30 pagi.

## Keputusan SPM 2014 Melakar Sejarah Oleh Izzati Mahrez (5K2)



PELAJAR CEMERLANG SPM 2014 bergambar bersama dengan pentadbir sekolah sambil menunjukkan slip keputusan masing-masing.

SMK Batu 5 – Keputusan SPM yang diumumkan pada 3 Mac yang lalu telah melakar sejarah gemilang apabila diumumkan sebagai keputusan yang terbaik setakat ini, dengan Gred Purata Sekolah sebanyak 5.37.

Keputusan ini mencipta rekod apabila seorang pelajar, Muhammad Qarafi Sham dari Tingkatan 5 Sains telah mengharumkan nama sekolah dengan memperoleh 9A.

2 orang pelajar, iaitu Nurul Nadiah Muhamad Nazeir, dari Tingkatan 5K1 dan Dhivya a/p Muniandy, dari Tingkatan 5 Sains mendapat 8A.

2 orang pelajar pula telah mendapat 7A, iaitu Lina Farhana Mohd Nor dan Muhammad Muhaimin Basri

Pelajar-pelajar yang mendapat 6A pula ialah Nur Syamimi Zulkifli, Nurul Aiza Nasiruddin, Wan Muhammad Nurhanis Wan Pazilah, Puteri Nuriffah Megat Mawardi, Siti Wadhahah Umairah Abd Kadir, Narvin a/l Hannanda Rao, Muhammad Burhanudin Suhaimi dan Vijay a/l Ravichandran.

Dalam pada itu, bilangan pelajar yang mendapat 5A dan 4A juga telah meningkat berbanding tahun-tahun lepas, iaitu 6 orang memperoleh 5A dan 4A pula sebanyak 14 orang.

## Majlis Konferensi Waris Tingkatan 3 dan Tingkatan 5

Oleh Intan Nurani Maznan (5 Sains)



PARA WARIS sedang mendengar penerangan yang disampaikan oleh Pn. Betty Liew.

SMK Batu 5 – Majlis Konferensi Waris Tingkatan 3 dan Tingkatan 5 Tahun 2015 berlangsung dengan jayanya pada 21 Mac yang lalu.

Dalam majlis ini, para waris berpeluang berbincang dengan guru-guru tentang perkembangan pelajaran anak-anak mereka.

Menurut Penolong Kanan Pentadbiran, Pn. Rosdiah Shuid, antara objektif majlis ini diadakan adalah untuk memberikan rangsangan dan galakan kepada pelajar.

Majlis yang bermula pada pukul 11.00 pagi telah dijalankan di Dewan Seri Delima untuk Tingkatan 3 dan di beberapa bilik khas untuk Tingkatan 5.

## Majlis Anugerah Cemerlang 2015

Oleh Haziq Naquiddin Md Suhaimi (3A3)



TN. HAJI BADRUNSHAM menyampaikan ucapan perasmian Majlis Anugerah Cemerlang.

SMK Batu 5, 26 Mac – Majlis Anugerah Cemerlang Tahun 2015 telah berlangsung dengan penuh gemilang di Dewan Seri Delima dari 9.00 pagi hingga 12.30 tengah hari.

Majlis ini diserikan dengan kehadiran Pegawai Pendidikan Daerah Kuala Muda/Yan, Tn. Haji Badrunsham Dahalan@Omar. Dalam ucapan perasmian, beliau telah memberikan ucapan yang penuh bersemangat yang dapat dijadikan panduan oleh para pelajar, guru dan waris yang hadir.

Dalam majlis ini para pelajar yang memperoleh pencapaian yang cemerlang dalam kurikulum dan kokurikulum telah diberikan anugerah sebagai perangsang kepada mereka untuk meneruskan kecemerlangan pada masa depan.

## Kem Lonjakan Keperibadian Pengawas

Oleh Intan Nurani (5 Sains)

Pada 26 Mac yang lalu, seramai 96 pelajar SMK Batu 5 telah mengikuti Kem Lonjakan Keperibadian Pengawas di D'Yan Chalet, Titi Hayun, Yan. Kem tersebut telah berlangsung dengan jayanya selama 3 hari 2 malam.

Kem ini diadakan untuk mendidik semua pengawas menjadi seorang pemimpin yang lebih baik. Selain itu, terdapat juga aktiviti yang menguji daya ketahanan mental dan fizikal seorang pemimpin.



PARA PESERTA KEM LONJAKAN KEPERIBADIAN PENGAWAS kelihatan begitu bersemangat mengikuti program yang dijalankan.

Dengan kehadiran para pengawas ke kem tersebut, diharapkan SMK Batu 5 dapat melahirkan para pengawas yang lebih berdisiplin dan mampu menyumbang tenaga kepada sekolah.

## Pertandingan Kemahiran Kebompaan Kadet Bomba dan Penyelamat Sekolah-sekolah Daerah Kuala Muda/Yan

Oleh Nurul Najwa Omar (5K2)



ANGGOTA KADET BOMBA membentangkan hos dalam pertandingan Kawad Operasi.

Sebanyak 10 orang anggota Kadet Bomba dan Penyelamat SMK Batu 5 telah menyertai Pertandingan Kemahiran Kebompaan Sekolah-sekolah Kuala Muda/Yan yang diadakan di Balai Bomba dan Penyelamat Yan pada 31 Mac yang lalu.

Antara kemahiran yang dipertandingkan ialah kawad kaki dan kawad operasi.

Daripada pertandingan tersebut, 5 orang kadet telah terpilih untuk menyertai perkhemahan Kadet Bomba dan Penyelamat Peringkat Daerah Kuala Muda/Yan pada 9 hingga 11 April.

Pertandingan ini bermula pada pukul 8.30 pagi dan berakhir pada pukul 5.00 petang.